

BERITA HARIAN

DATE: 12/11/2009

Pelabur gagal teroka peluang di Bosnia

64-12/11/09
Negara Balkan sesuai tembusi pasaran Eropah

Oleh M Hizuddin Ikhsan
hizuddin@bahrain.com.my

KUCHING: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, hubungan baik antara Kerajaan Malaysia dan Bosnia-Herzegovina gagal diterjemahkan dalam bentuk ekonomi berikutan nilai pelaburan dari negara ini yang terlalu kecil berbanding peluang yang diberikan negara Islam itu.

Beliau berkata, ahli perniagaan dari negara ini masih teragak-agak untuk melabur dalam pelbagai sektor di Bosnia-Herzegovina sedangkan negara berkenaan mempunyai potensi luas kerana dalam proses menjadi ahli Kesatuan Eropah (EU).

"Hubungan baik hanya di peringkat kerajaan tetapi dari sudut pelaburan dan perniagaan ia tidak banyak. Saya hanya mengetahui seorang pelabur Malaysia yang menjalankan perniagaan tenusu di sana.

"Dengan status Bosnia sebagai negara Islam dan bakal menjadi ahli EU, seharusnya ia menjadi peluang bagi pelabur tempatan membusi pasaran Eropah yang diketahui kompetitif," katanya pada sidang media selepas menghadiri Forum Perniagaan Global Malaysia di Pusat Konvensyen Borneo Kuching di sini, semalam.

Dr Mahathir mengakui masalah utama perdagangan antara kedua-dua negara adalah ketiadaan pela-



NIK HARIF HASSAN | BERITA HARIAN

MAHATHIR bersama Dr Harris Silajdzic tiba pada Forum Perniagaan Global Malaysia di Pusat Konvensyen Borneo Kuching, semalam.

buhan di Bosnia dan tiada penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke negara berkenaan.

"Bosnia ada banyak tempat menarik dan boleh dijadikan produk pelancangan, oleh pelabur Malaysia yang sanggup membina pusat peranginan atau hotel.

"Malah, ada sesuatu tidak diketahui kita, iaitu kualiti air Bosnia adalah antara yang terbaik, lebih baik daripada air mineral 'Avian', namun belum diusahakan secara komersial," katanya. Sempena forum itu juga, tujuh memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara syarikat Sarawak

dan pelabur Bosnia-Herzegovina, membabitkan makanan halal, penyelidikan, pendidikan serta keselamatan.

Turut hadir: Presiden Bosnia-Herzegovina, Dr Harris Silajdzic; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Pengerusi Eksekutif Tanjung Manis Food and Industrial Park (TM-FIP), Datuk Norah Abdul Rahman.

TMFIP menandatangani tiga MoU dengan Dewan Perdagangan Antarabangsa Bosnia-Herzegovina, Halal Europe dan GHB Invest membatik kerjasama dalam sektor penyelidikan dan pengeluaran makanan halal.